

Pengedaran buku2 teks: Mahathir tak jamin 100%

B H23 NOV 1974

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, kementeriaannya tidak menjamin 100 peratus mengenal pengedaran buku-buku teks yang cukup kepada pelajar-pelajar.

Dr. Mahathir berkata: "Masalah tersebut tidak dapat dielakkan kerana 'rantai pengeluaran buku-buku teks' terikat pada kerjasama erat kementerian, para guffu, penulis dan penerbit.

"Jika salah satu dari rantai ini putus, perkara kelambatan tidak dapat dielakkan.

"Bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa berusaha supaya

kerjasama yang dimaksudkan itu dapat menjamin kesejahteraan pelajaran setiap pelajar. Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan tambahan Dr. Tan Chee Khoo (Pekemas Kepong) di Dewan Rakyat petang ini.

Terdahulu dari itu Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Chan Siong Sun menjelaskan, ke menteriaannya berusaha sedaya upaya supaya menjelag tahun perse-

kolahan setiap pelajar mendapat bekalan buku-buku teks yang cukup.

Menurut beliau, soal kelambatan bekalan buku-buku teks seperti di tahun-tahun yang sudah, sebenarnya bukan satu persengajaan meskipun kementerian berusaha mengatasinya.

Menjawab pertanyaan Encik Lim Kit Siang (DAP - Kota Melaka), beliau berkata, sebahagian buku-buku teks bantuan kepada pelajar-pelajar tahun depan telahpun dihantar ke sekolah-sekolah di seluruh negara.

Beliau menambah, untuk menjamin setiap pelajar mendapat potongan harga, kementerian pelajaran telah menyediakan senarai buku-buku teks yang tercatat harga.

Encik Chan menjelaskan, pihak-pihak penerbit telah menyatakan kesanggupan memberi diskaun 5 peratus pada buku-buku sekolah menengah dan 10 peratus untuk sekolah-sekolah rendah.

Mengetahui sistem ejaan baru yang dikemukakan oleh Encik Farn Seong Than (DAP-Sungai Besi), beliau berkata, semua kementerian dan jabatan kerajaan

dan separuh - kerajaan telah menggunakan sistem tersebut sejak ia dinyatakan.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa sistem ejaan baru telah diterima oleh semua golongan, termasuk mass-media bercetak.